

## **STRATEGI PEPERANGAN ISRAEL DALAM PERANG ENAM HARI ARAB-ISRAEL 1967**

**Mohamad Firdaus Mohd Isa**

Sekolah kebangsaan Bukit Piatu, Bentong Pahang

**Syaimak Ismail**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Segamat Johor

**Adam Badhrulhisham**

Jabatan Usuluddin, Fakulti Keilmuan Islam

Kolej Universiti Islam Melaka

### **ABSTRAK**

Perang Enam Hari terjadi daripada beberapa rentetan krisis yang berlaku antara yang paling ketara ialah penubuhan negara haram Israel 1948 dan beberapa lagi siri peperangan seperti Perang Suez. Persoalan utamanya adalah bagaimana Israel; sebuah negara yang baru ditubuhkan dapat mengalahkan sekutu negara Arab yang terdiri daripada Mesir, Jordan dan Syria. Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah metode historis. Bagi mendapatkan analisis yang lebih tepat, penulis menggunakan pendekatan inter-disiplin melalui konsep dan teori yang terdapat dalam disiplin ilmu sosial. Kajian mendapati terdapat beberapa faktor utama yang menyumbang kepada kemenangan Israel dalam peperangan ini iaitu kecekapan strategi ketenteraan, prinsip peperangan dan ketidaksediaan tentera Arab dalam menghadapi peperangan ini. Antara strategi ampuh yang dijalankan termasuk menggunakan elemen kejutan serta mengeksploitasi kelemahan yang berlaku dalam kalangan gabungan negara Arab.

**Kata Kunci:** Perang Enam Hari, Strategi peperangan, Asia Barat

### ***ISRAEL WAR STRATEGY IN THE SIX-DAY WAR OF ISRAEL 1967***

#### ***ABSTRACT***

*The Six Day War occurred from a series of crises that occurred among the most notable of which was the establishment of the illegal state of Israel in 1948 and several other series of wars such as the Suez War. The main question is how Israel is; a newly formed country was able to defeat the allies of the Arab states consisting of Egypt, Jordan and Syria. The method used in this study is a historical method. To get a more accurate analysis, the author uses an interdisciplinary approach through the concepts and theories found in the social sciences. The study found that there are several main factors that contributed to*

*Israel's victory in this war, namely the efficiency of military strategy, the principles of war and the readiness of the Arab army in facing this war. Among the powerful strategies carried out include using the element of shock as well as exploiting the weaknesses that occur among the coalition of Arab countries.*

**Keywords:** Six Day War, War Strategy, West Asia

## **PENGENALAN**

Perang Enam Hari 1967 berlaku pada 5 Jun 1967 sehingga 10 Jun 1967. Peperangan ini dimenangi oleh Israel yang mana memperlihatkan kebijaksanaan strategi yang dirancang. Peperangan ini berlaku di antara Israel dan juga sekutu Arab iaitu Mesir, Syria dan Jordan. Peperangan ini adalah rentetan daripada beberapa peristiwa yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua. Penubuhan negara Israel di tengah rantau Arab membuatkan negara-negara Arab menimbulkan kegusaran dalam kalangan negara-negara sekitar. Tambahan pula sentimen kedaulatan Palestin yang dirobek oleh Israel mencetuskan kemarahan masyarakat Islam global khususnya dalam kalangan negara Arab. Presiden Mesir Gamal Abdul Nasser antara yang begitu lantang melaungkan kemarahan kepada Israel. Manakala di pihak Israel meskipun mendapat sokongan Amerika Syarikat dan Britain, mereka masih tidak merasa selamat sepenuhnya apabila berhadapan dengan negara-negara jiran. Hal ini menyebabkan Israel sentiasa mempertingkatkan kecekapan kemampuan ketenteraan bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Justeru konflik semestinya tidak dapat dielakkan antara Israel dengan negara-negara Arab. Antara konflik yang tercetus adalah isu bekalan air dan isu sempadan negara. Israel yang bertindak mengubah laluan Sungai Jordan, Tasik Tiberia dan Bukit Golan bagi membekalkan air untuk kegunaan negaranya seolah-olah ingin menunjukkan kekuatannya kepada negara Arab mengakibatkan banyak berlaku provokasi dan peperangan kecil antara Israel-Jordan dan Israel-Syria. Kemuncaknya adalah apabila pada tahun 1967, Israel mengambil langkah menyerang Mesir yang boleh dianggap negara Arab terkuat yang terkuat ketika itu. Uniknyanya Perang Enam Hari ini ia menyaksikan pertembungan satu negara dengan pakatan beberapa buah negara iaitu antara Israel dengan pakatan Mesir, Syria dan Jordan namun ia dimenangi oleh Israel. Peperangan ini menunjukkan betapa pentingnya kebijaksanaan, strategi dan juga risikan dalam menentukan kejayaan sesuatu peperangan. Justeru makalah ini akan memfokuskan strategi yang digunakan oleh Israel sepanjang peperangan ini berlaku.

## **LATARBELAKANG PEPERANGAN**

Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua pada 2 September 1945 yang dimenangi oleh pihak Kuasa Bersekutu, berlakunya satu peperangan yang melibatkan rantau Asia Barat di antara negara baru iaitu Israel dengan jirannya di rantau iaitu negara-negara Arab iaitu Mesir, Syria dan Jordan yang terlibat secara langsung

dalam peperangan yang berlaku pada 5 Jun 1967. Sebelum itu, peperangan Suez berjaya di atasi dengan campur tangan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) tetapi permusuhan yang berlaku antara kedua-dua pihak iaitu negara Arab dan Israel masih tetap berlaku.<sup>12</sup> Pejuang Palestin melakukan serangan terhadap penempatan Israel dan menyebabkan Israel bertindak balas dengan menyerang kembali kampung-kampung yang didiami oleh pejuang Palestin di Jordan, Syria dan Lebanon. Perbalahan-perbalahan kecil lebih banyak berlaku pada tahun 1967 antara Israel dengan negara Arab seperti Syria, Jordan dan Mesir di sepanjang sempadan dan pada bulan Mei 1967, Presiden Gamal Abdul Nasser mendesak 'United Nation Emergency Force' (UNEF) yang ditempatkan di kawasan Sinai sejak peperangan Suez ditarik balik oleh PBB. Setiausaha Agung UNEF, U-Thant berpendapat:

*"Was an integral unit, and it made no sense to withdraw part of the force from the eastern frontier while preserving peacekeepers in the Gaza Strip"*<sup>13</sup>

U-Thant bersetuju mengeluarkan tentera UNEF secara berperingkat dan pengeluaran tentera terakhir dilakukan pada 31 Mei 1967 daripada wilayah Sinai dan Sharm al-Syakh. Ini memberikan Mesir lebih kuasa di sepanjang Selat Tiran dan memberi ancaman kepada Israel.

Sebelum pengeluaran tentera UNEF dilakukan secara menyeluruh, Presiden Gamal Abdul Nasser telah mengisytiharkan bahawa Selat Tiran dan Teluk Aqaba ditutup kepada kapal-kapal Israel serta kapal-kapal yang membawa bekalan barangan seperti senjata api kepada Israel<sup>14</sup> dan membuat persiapan bagi menghadapi peperangan menentang Israel. Beliau juga mengancam untuk menghapuskan etnik Yahudi.<sup>15</sup> Ini menyebabkan Israel menghadapi krisis ekonomi yang teruk kerana tidak mampu menampung keperluan minyak yang menjadi bahan utama dalam pembangunan dan juga peperangan.

Israel kemudiannya mendapat amaran daripada Mesir dan Syria yang mana mereka akan menyerang dan ia tidak dipandang remeh oleh Israel. Pada 1 Jun 1967, Israel telah melakukan rombakan pentadbiran. Menurut Abdul Rahman dalam disertasi beliau iaitu 'Dasar Pertahanan Israel dan Strategi Perluasan wilayah: Kajian tentang perang Arab-Israel tahun 1967', Perdana Menteri yang asalnya juga menjawat jawatan Menteri Pertahanan Israel dipisahkan iaitu Perdana Menteri dijawab oleh Levi Eskol manakala posisi Menteri Pertahanan diserahkan kepada Moshe Dayan. Tindak balas Israel setelah menerima ancaman daripada Mesir, Syria dan Jordan adalah memperkemaskan serta meningkatkan keselamatan dan keamanan nasional dengan cara melakukan ancaman kembali kepada negara Arab. Ini bersesuaian dengan dasar ofensif dan bentuk pertahanan

---

<sup>12</sup> Asher Susser, *On Both Banks of the Jordan, A Political Biography of Wasfiel- Tall*, (London, 1994), h. 55

<sup>13</sup> Rogan, Eugene, *The Arabs: A History*, (Penguin Books Ltd, 2012), h. 421

<sup>14</sup> Colonel R.D. Palsokar, *Arab Israeli Wars*, (47 Anand Park, Pune 7, 1979), h. 17

<sup>15</sup> Robert Stephens, *Nasser, A Political Biography* (London, 1971), 479: BBC Archive, SWB ME 2 477/A/3-5.

yang digariskan pemerintah Israel.<sup>16</sup> Menteri Pertahanan Israel mengadakan mesyuarat bersama dengan Ketua Staf dan Gabenor Militari untuk mengambil tindakan dengan menggunakan konsep Komando, Kawalan, Komunikasi dan Perisik (C31).<sup>17</sup>

Presiden Mesir mendapat berita palsu yang dititip oleh pihak Soviet mengenai ancaman serangan yang bakal dilakukan oleh Israel terhadap Syria untuk menawan ibu kota Damsyik.<sup>18</sup> Presiden Gamal Abdul Nasser mengusir pasukan PBB di Sinai dengan bantuan pihak Soviet dengan menempatkan 100 ribu askar, 500 buah pesawat dan 1000 kereta kebal di Sinai.<sup>19</sup> Walau bagaimanapun Israel berjaya menyerang perkampungan al-Samu'a.<sup>20</sup>

## PERMULAAN PERANG ENAM HARI

### Hari Pertama

Setelah risikan dan intipan dilakukan, Israel memutuskan untuk melakukan serangan pada waktu 7.45 pagi ketika tentera Mesir sedang bersarapan. Serangan terhadap Mesir diutamakan kerana Mesir merupakan negara yang mempunyai kekuatan militari yang cukup besar dan kuat dibandingkan dengan ketenteraan negara sekutunya iaitu Syria dan Jordan. Manakala waktu serangan pagi diambil disebabkan oleh beberapa faktor; pertama, waktu pagi ialah waktu kabus mula menghilang. Ini akan menambahkan elemen kejutan dalam serangan mengejut yang dilaksanakan. Kedua, rondaan tentera udara Mesir berakhir pada waktu pagi dan mereka akan pergi bersarapan, dan yang ketiga, komando Mesir hanya akan memulakan tugas pada pukul sembilan pagi walaupun negara sedang dilanda krisis.<sup>21</sup> Ini menyebabkan apabila serangan dilancarkan oleh Israel maka tindak balas untuk mematahkan serangan bagi pihak Mesir adalah lambat kerana ketidaksediaan tentera Mesir. Strategi yang diguna pakai oleh tentera Israel ini adalah berdasarkan daripada teori Blitzkrieg (serangan melalui udara).<sup>22</sup>

Menurut akhbar *The Straits Times* serangan pertama yang dikenakan oleh Israel ke atas Mesir berlaku antara waktu enam pagi sehingga lapan pagi waktu Mesir.<sup>23</sup> Tetapi menurut Moshe Dayan dalam bukunya *Diary of the Sinai Campaign*, serangan dilancarkan pada pukul 7.14 pagi sehingga 8.55 pagi.<sup>24</sup>

---

<sup>16</sup> Abdul Rahman, *Dasar Pertahanan Israel dan Strategi Perluasan Kuasa Wilayah: Kajian tentang Perang Arab-Israel Tahun 1967*, (Disertasi Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya 2002), h. 66-67

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> ISA, 3977/22, Relation with the United States: Conversation with Ambassador Chuvakhin, 13 May 1967; Lihat juga Anwar El-Shadat, *In Search of Identity: An Autobiography* (New York, 1977), h. 171-2; Lihat juga Muhammad Fawzi, *Harb al-Thalath Sanawat* (Cairo, 1976), h. 49-53

<sup>19</sup> Robert Stephens, *Nasser, A Political Biography*, h. 471

<sup>20</sup> Michael B. Oren *Six Days of Wars: Juns 1967 and the Making of the Modern Middle East*, (New York: Presido Press 2002), h. 33-60

<sup>21</sup> Terence Prittie, *Eskhol of Israel: The Man and the Nation*, (London: Mesuem Press, 1969)

<sup>22</sup> Blitzkrieg pertama kali digunakan oleh tentera Jerman ketika menyerang Poland pada tahun 1939 dengan menggunakan peralatan perang yang besar dan lengkap. Serangan disasarkan kepada angkatan udara, rail keretapi, jalan raya dan beberapa industri yang berpusat di Poland. Lihat dalam buku tulisan George Childs Kohn, *Dictionary Of Wars*, (New York: Fact on File, inc., 1999), h. 59

<sup>23</sup> *The Straits Times*, Friday, June 6, 1967.

<sup>24</sup> Weidefeld and Nicolson, *Moshe Dayan: Story Of My Life*, (London: Fakenham and Reading, 1976), h. 280

Serangan dilancarkan menggunakan kekuatan udara dengan menghantar jet pejuang tempur dan mensasarkan lapangan terbang tentera Mesir bagi melumpuhkan kekuatan udara Mesir. Kemudian menyerang bekalan elektrik dan bekalan komunikasi. Serangan sasaran awal ini bertujuan untuk melumpuhkan dan mengkucar-kacirkan keadaan tentera Mesir yang sedang menjalani fasa penukaran waktu kerja selain waktu bersarapan. Israel yang telah merancang dengan baik cuba memanfaatkan masa yang singkat untuk melumpuhkan kekuatan dan bekalan tentera Mesir. Prinsip serangan Israel dalam masa yang singkat ini adalah:<sup>25</sup>:

1. Menentukan masa yang sesuai untuk melancarkan serangan.
2. Melancarkan serangan secara serentak serta memaksimumkan sasaran yang penting pada serangan yang pertama.
3. Jet pejuang perlu terbang serendah mungkin ketika dalam perjalanan ke tempat sasaran bagi mengelakkan dikesan oleh radar udara
4. Mengekalkan radio dalam keadaan mode senyap dari awal pelepasan sehingga serangan bermula.
5. Mengelak daripada radar musuh semasa pasukan menyerang dalam perjalanan ke sasaran dan semasa serangan bermula.

Serangan ini dikenali sebagai *Moked* dan Israel melancarkan serangan ini ketika tentera Mesir dalam keadaan tidak bersedia untuk membalas kembali serangan udara ke atas Israel.<sup>26</sup>

Selepas serangan dilancarkan, juruterbang Israel melaporkan kepada pusat kawalan Tentera Udara Israel bahawa banyak kapal terbang musuh iaitu Mesir telah musnah dan peluru berpandu anti kapal terbang juga berjaya dimusnahkan. Mesir tidak lagi mempunyai kekuatan untuk menyerang Israel melalui udara. Serangan gelombang pertama ini disertai 183 jet pejuang Israel. Serangan ini berjaya merosakkan enam lapangan terbang Mesir iaitu empat di Sinai dan dua di Fayid dan Kabrit.<sup>27</sup> Sebanyak 197 buah kapal terbang milik Mesir berjaya dimusnahkan iaitu 189 buah di atas tanah dan lapan buah ketika pertempuran di udara dan berjaya membunuh 100 orang juruterbang Mesir.<sup>28</sup> Tentera Udara Israel juga berjaya memusnahkan sebanyak 16 pusat radar milik Mesir. Dalam serangan gelombang pertama ini, Tentera Udara Israel telah dipecahkan atau dibahagikan kepada formasi atau kumpulan. Kumpulan pertama menyerang pengkalan udara di Bir Gafgafa di Sinai manakala kumpulan kedua melakukan serangan di Abu Suweir dan selebihnya melancarkan serangan di Beni Suyeif dan barat Kairo.<sup>29</sup>

Gelombang serangan kedua dilancarkan pada 9.34 pagi. Serangan kali kedua ini lebih teratur dan terancang berbanding daripada serangan pertama. Sebanyak 164 kapal terbang digunakan oleh tentera udara Israel pada serangan gelombang kedua ini. Mereka menyerang 14 pengkalan udara musuh dan enam

---

<sup>25</sup> Abdul Rahman 'Dasar Pertahanan Israel dan Strategi Perluasan Wilayah: Kajian Tentang Perang Arab-Israel Tahun 1967', h. 60

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> Weidefeld and Nicolson, *Moshe Dayan: Story Of My Life*, h. 281

<sup>28</sup> Pollack, Kenneth, *Arabs at War: Military Effectiveness, 1948-1991*, (University of Nebraska, 2004), h. 474

<sup>29</sup> *Ibid.*

daripadanya lapangan terbang yang tidak diserang pada serangan gelombang pertama dan menjadi tempat perlindungan pesawat tempur yang berjaya lari daripada serangan pertama iaitu di Mantzura, Bilbis, Helwan, Minis, Gardake dan Luxor.<sup>30</sup> Ketika Tentera Udara Israel sedang sibuk menyerang Mesir, Syria, Jordan dan Iraq mula menyerang Israel. Serangan ini dimulakan oleh Syria yang melancarkan serangan udara dengan kekuatan 12 pesawat jenis MiG-17s yang berlepas dari Damascus pada 11.50 pagi. Tentera Udara Syria melancarkan serangan di ladang pertanian di Kibbutz Deganiah, Sungai Jordan, Bet Yerach dan beberapa tempat lagi. Serangan ini menyebabkan dua orang tercedera masing-masing seorang Arab dan seorang Yahudi.<sup>31</sup>

Serangan daripada tiga negara ini telah dilaporkan kepada Komander Tentera Udara Israel Major General Mottie Hod dan beliau membuat tindakan segera dengan mengarahkan serangan ditujukan kepada ketiga-tiga negara ini. Dalam masa beberapa minit, lapan formasi jet pejuang yang pada asalnya dalam perjalanan untuk menyerang Mesir telah diarahkan oleh Mottie untuk mengalihkan laluan seterusnya menyerang pengkalan udara Syria dan Jordan.<sup>32</sup>

Pada 12.15 tengah hari, Israel melancarkan serangan ketiga. Tujuan serangan kali ini adalah untuk mengurangkan lagi kekuatan musuh. 51 buah pesawat telah terlibat dalam misi untuk menyerang pengkalan udara Jordan di Mafraq dan Amman. Dalam serangan ini, 28 kapal terbang milik Tentera Udara Jordan musnah dan pengkalan udara terbabit tidak boleh digunakan lagi. Nasib yang sama menimpa Syria yang kehilangan 53 buah kapal terbang daripada jumlah keseluruhan 112. Serangan di Syria disertai oleh 82 buah kapal terbang yang menyerang pengkalan udara Syria di Damir, Damascus, Seikal, Marjarial dan T-4. Walau bagaimanapun, Israel menyerang Iraq dengan menggunakan hanya tiga buah kapal terbang dan berjaya menyerang satu lapangan terbang dan mengakibatkan 10 buah kapal terbang milik Iraq musnah.<sup>33</sup>

Selepas melancarkan serangan ke atas pengkalan udara Mesir, Israel memfokuskan serangan terhadap Syria dan Jordan yang dilihat cuba untuk menyerang Israel. Serangan dilancarkan pada waktu petang dan mensasarkan lapangan terbang tentera udara Jordan. Sebanyak 29 buah kapal terbang milik tentera udara Jordan musnah. Syria juga turut kehilangan dua pertiga daripada armada tempur udara mereka berjumlah lebih kurang 60 buah kapal terbang. Manakala di pihak Iraq pula, 17 buah kapal terbang mereka telah dimusnahkan.<sup>34</sup>

## Serangan Darat

Serangan darat di Sinai pula bermula pada 8.00 pagi. *Divison Tal's* dari pihak Israel menyerang utara Rafah dan bandar Khan Yunis. Pertempuran ini melibatkan jentera tempur kereta kebal. Tentara di bawah perintah Jeneral Sharon pula memulakan serangan terhadap bandar Tarat Um-Basis. Tindakan

<sup>30</sup> Weidefeld and Nicolson, Moshe Dayan: Story Of My Life, h. 281

<sup>31</sup> Micheal Oren, The Revelation of 1967: New Research on the Six Day War and Its Lessons for the Contemporary Middle East. Israel Studies, Vol. 10 number 2 (2005), h. 6

<sup>32</sup> John A. Warden, The Campaign Planning For Combat, (Washington: National University Press, 1988), h. 13

<sup>33</sup> *Ibid.* h. 282.

<sup>34</sup> Pollack, Kenneth, Arabs at War: Military Effectiveness, 1948-1991.

Israel melancarkan serangan dari kedua-dua arah (udara dan darat) menyebabkan tentera Mesir ke Abu Ageila bagi tujuan tindak balas terputus hubungan.<sup>35</sup>

Strategi bijak serangan udara *Israel Air Force* (IAF) berjaya membuahkan hasil dan serangan itu membolehkan IAF membantu serangan dari darat. Serangan mengejut pada 7.45 pagi ialah strategi yang berkesan dengan mengambil kira beberapa sudut bantuan alam antaranya kedudukan matahari dan penyebaran kabus pada waktu pagi. Di samping itu bantuan daripada sistem *Electronic Counter Measures* (ECM) yang mengelak dari dikesan oleh radar tentera udara Mesir juga memainkan peranan yang penting.<sup>36</sup> Israel telah menerbangkan pesawat tempurnya sebanyak 1000 kali dalam masa satu jam secara penggiliran. Kejayaan ini adalah berdasarkan beberapa faktor seperti berikut:<sup>37</sup>

1. Perancangan yang teliti dari segi masa yang diambil dan kesempurnaan serangan yang pertama.
2. Risikan terhadap masa pergerakan tentera udara pihak Arab dan risikan terhadap pengkalan udara pihak Arab dengan tepat seperti lokasi radar, penempatan pesawat dan tapak peluru berpandu anti-pesawat.
3. Kawalan operasi yang berkesan serta keupayaan untuk menyepadukan input terkini terhadap pelan sedia ada dan maklumat masa serangan yang tepat pada para juruterbang.
4. Latihan peperangan oleh juruterbang muda membantu serangan dilakukan dengan baik.
5. Bantuan kakitangan di pengkalan udara bagi memastikan penyelenggaraan terhadap pesawat tempur dengan baik.

## Hari Kedua

Selepas serangan mengejut yang dilakukan oleh Israel terhadap Mesir pada hari pertama serangan, serangan yang dilakukan oleh kedua-dua pihak pada hari kedua kelihatan lebih seimbang tetapi Israel jelas masih menguasai pertempuran. Ini terbukti apabila Israel berjaya mengambil alih jalan raya yang menghubungkan antara Jerussalem dan Ramallah. Israel juga berjaya merosakkan sistem pertahanan negara Arab dengan menggunakan serangan darat. Di pihak Arab pula, mereka menemui jalan buntu untuk menembusi negara Israel yang telah dikawal rapi oleh tentera Israel. Strategi tipu helah peperangan juga memainkan peranan penting kepada Israel dalam melakukan serangan. Strategi tipu helah Israel ialah membiarkan tentera darat Mesir masuk ke dalam negara Israel dan membiarkan tentera Mesir melancarkan serangan di Negev. Umpanan ini berhasil. Setelah tentera Mesir masuk, tentera Israel menyerang secara mengejut dengan melalui dua kumpulan. Satu kumpulan tentera

---

<sup>35</sup> Chaim Herzog, *The Arab- Israeli Wars: War And Peace In The Middle East*, (New York: A Division Of Random House, Inc, 1982), h. 158

<sup>36</sup> John N. Westwood, *History of Middle East Wars*, (New York: World Publication), h. 56

<sup>37</sup> Randolph S. Churchill, Winston Churchill, *The Six Day Arab- Israeli War June 1967*, (London: William Heinemann Ltd, 1967), h. 90

menyerang tentera Mesir dan satu kumpulan lagi menyekat jalan keluar. Ini menyebabkan Tentera Mesir terkepung dalam perangkap tentera Israel.<sup>38</sup> Strategi ini dikenali sebagai sistem pertahanan terbuka dan tertutup sebagai umpan atau perangkap untuk tentera Arab masuk.<sup>39</sup> Dalam masa yang sama, kereta kebal tentera Israel menuju ke Bir Hasana, Bir Gafgafa dan Nakhl.

Tentera Israel diarahkan untuk menyerbu masuk ke ibu negara Mesir dan angkatan tentera laut Israel juga bergerak ke perairan Elat menuju ke Selat Tiran dan menyerang bandar Sharm El Sheik sebelum bergerak ke terusan Suez. Serangan yang dilancarkan Israel melalui laut lebih mudah disebabkan tentera-tentera Mesir lebih menumpukan kekuatan ketenteraan mereka di sempadan daratan antara Mesir dan Israel. Kekuatan ketenteraan laut yang dimiliki Israel tidak dilihat oleh Mesir sebagai satu ancaman yang bahaya. Serangan darat yang dilakukan oleh tentera Israel berjaya menawan kawasan dari Um-Katef hingga ke Abu Ageila. Tentera pertahanan utama Mesir yang terdiri dari tiga barisan pertahanan berjaya ditembusi dan Israel terus maju hingga ke pertengahan bandar Sinai.<sup>40</sup>

Secara keseluruhannya pada peperangan hari kedua ini, Israel berjaya menundukkan benteng hadapan Mesir dengan perangkap yang dilakukan. Tentera Mesir yang lain akhirnya menerima arahan daripada Cairo untuk segera meninggalkan Sharm El Sheikh.<sup>41</sup> Israel berjaya menawan kawasan seperti Khan Yunis, El Arish dan Abu Ageila. Disebabkan serangan yang dilancarkan Mesir melalui tentera udara dan tentera darat tidak berkesan, Israel dengan mudah berjaya memenangi peperangan untuk hari kedua dan tentera Israel bersiap sedia untuk maju ke Terusan Suez. Sehingga malam kedua peperangan berlaku sebanyak 416 buah kapal terbang negara arab musnah. Ini melibatkan 393 yang dimusnahkan di darat dan selebihnya adalah adalah pertempuran udara. Manakala di pihak tentera Israel, sebanyak 26 buah kapal terbang telah musnah.<sup>42</sup>

### **Hari Ketiga**

Hari ketiga serangan, Israel telah mempunyai rancangan lain iaitu untuk membuka Selat Tiran bagi memudahkan pergerakan keluar masuk tentera Israel ke negara mereka dan menjadi laluan kecemasan jika sebarang bantuan diperlukan. Segala strategi yang dilakukan oleh Israel dalam mempertahankan Selat Tiran dan Israel berterusan memberi tekanan kepada Mesir. Mesir banyak menumpukan kekuatan ketenteraan mereka di kawasan sempadan dengan tujuan untuk memasuki kawasan Israel. Walau bagaimanapun, kawasan Semenanjung Sinai tidak dikawal dengan baik oleh tentera Arab dan memudahkan Israel menceroboh kawasan tersebut.

Sekutu Mesir iaitu Syria berjaya merosakkan beberapa perkampungan Israel di persempadanan tetapi masih lagi tidak berjaya untuk menandingi

<sup>38</sup> Palsokar, R. D., *Arab Israeli Wars 1967-1973*, (Pune 7: S. Palsokar, 1979), h. 54.

<sup>39</sup> Abdul Rahman, *Dasar Pertahanan Israel dan Strategi Perluasan Wilayah: Kajian Tentang Perang Arab-Israel Tahun 1967*, h. 64.

<sup>40</sup> Chaim Herzog, *The Arab- Israeli Wars: War And Peace In The Middle East*, h.158

<sup>41</sup> Weidefeld and Nicolson, *Moshe Dayan: Story Of My Life*, h. 291

<sup>42</sup> Pollack, Kenneth, *Arabs at War: Military Effectiveness, 1948-199*.h. 474



kekuatan Israel. Israel berjaya menembak jatuh beberapa pesawat tempur milik Syria yang cuba melewati sempadan Israel.<sup>43</sup> Penggunaan senjata moden seperti teknologi panduan laser digunakan Israel untuk mengesan lokasi peluru berpandu yang dimiliki oleh Syria. Namun begitu, Syria masih tetap memberi tekanan kepada Israel dan berjaya merosakkan beberapa kereta kebal milik Israel dalam pertempuran berhadapan (*close-combat battle*).

### **Hari Keempat**

Serangan masih lagi berlaku dan Israel berterusan melakukan tekanan terhadap negara Arab. Misi Israel pada hari keempat peperangan ini adalah untuk menakluki Jurussalem yang akan dijadikan ibu negara Israel. Tentera Jordan yang ketika itu berkuasa ke atas bandar Jurussalem telah menjadikan bandar Jerusalem sebagai benteng dan hal ini melunturkan keinginan untuk menyerang tentera Jordan di situ bagi mengelakkan kemusnahan bandar Jerusalem. Walau bagaimanapun sebaliknya tentera Jordan telah mengakibatkan kerosakan yang agak teruk terhadap bandar Jerusalem melalui serangan yang dibuat daripada bandar tersebut. Dalam pada itu, Israel berjaya memasuki Jordan daripada bahagian barat dan Lembah Jordan. Israel melakukan serangan secara besar-besaran ke atas kawasan Tebing Barat dan akhirnya Israel berjaya menewaskan benteng terakhir Jordan di Hebron. Dengan kejayaan ini, seluruh kawasan Tebing Barat telah jatuh di bawah penaklukan Israel.


Sasaran Israel seterusnya ialah terhadap kawasan paling strategik untuk Israel iaitu kawasan tinggi Bukit Golan di Syria. Kedudukan strategik Bukit Golan membolehkan sesiapa yang memilikinya mengawasi kawasan Israel disebelah selatan seterusnya membolehkan Israel mengesan ancaman musuh. Bukit Golan juga mempunyai sumber air yang diperlukan untuk Israel pada masa akan datang. Dalam kempen ini Israel menggunakan strategi serangan udara. Angkatan Tentera Udara Israel menyerang kesemua kepentingan Syria yang ada di Bukit Golan. Syria memberikan tentangan terhadap serangan yang dilakukan oleh tentera Israel tetapi kekuatan tentera Syria tidak mampu untuk menandingi kekuatan tentera Israel. Israel berjaya menghantar bantuan ke Bukit Golan dalam usaha mereka untuk menawan kawasan strategik tersebut. Strategi ketenteraan Israel ini berjaya dan membuahkan hasil setelah mereka berhasil menawan Bukit Golan.

Keadaan di Mesir juga berpihak kepada Israel. Mesir menerima serangan besar-besaran dan mengakibatkan bandar-bandar strategik Mesir hancur seperti Bir Gifgafa. BIr Gifgafa menjadi laluan tentera Israel untuk menyerang bandar lain di Mesir.<sup>44</sup>

---

<sup>43</sup> Weidefeld and Nicolson, *Moshe Dayan: Story Of My Life*, h. 291

<sup>44</sup> *Ibid.*



*Ilustrasi 1: Pergerakan Tentera Israel<sup>45</sup>*

## Hari Kelima

Pada hari kelima Israel melakukan serangan untuk memberi tekanan yang kuat di bandar yang mempunyai kepentingan seperti perlabuhan utama Mesir di Terusan Suez. Serangan yang dilakukan Israel ini memaksa tentera Mesir berundur ke tepi laluan Terusan Suez. Kekalahan Mesir di terusan Suez diikuti kekalahan Mesir di daerah Ras Sudr dan Abu Zweima. Daerah ini adalah merupakan benteng terakhir Mesir. Kesan daripada kekalahan benteng terakhir Mesir ini, Israel berjaya memberikan Mesir tekanan dan Mesir terpaksa berundur sehingga ke bandar utama Mesir iaitu Kaherah. Bukan sahaja Mesir tetapi Banias iaitu salah satu bandar utama bagi Syria turut tumpas.

Walaupun begitu, serangan balas dari pihak Arab juga berlaku secara terbuka antara angkatan tentera darat Syria dan juga angkatan darat Israel. Israel menyerang pertahanan Syria di bahagian sempadan. Sebaliknya Syria menguatkan benteng pertahanan mereka dengan menguasai semua jalan masuk di sempadan dan melakukan serangan menggunakan meriam supaya tentera Israel tidak berjaya untuk masuk.

Israel membuat keputusan untuk melancarkan serangan daripada arah utara Bukit Golan. Batalion Pertama Tentera Israel telah melakukan kesilapan dalam pentaksiran kekuatan sasaran mereka namun sebaik sahaja mereka menyedarinya, mereka tetap memutuskan untuk menyerang walaupun dari arah

<sup>45</sup> <http://www.christians-standing-with-israel.org/six-day-war-egyptian-front-1967.html>

yang salah. Serangan dari selatan ini menyebabkan tentera Israel terdedah kepada serangan Syria yang sudah bersiap sedia. Mereka berbalas serangan dari awal pertempuran sehingga akhir. Tentera Israel telah diserang bertubi-tubi dan tentera Syria hampir mengalahkan tentera Israel. Israel segera menghantar bantuan tentera udara dan serangan ini membuatkan tentera berperisai Syria terpaksa berundur.<sup>46</sup>

Pada hari tersebut, Presiden Gamal Abdul Nasser telah menerima surat peletakan jawatan daripada Ketua Tentera Udara, Darat dan Laut. Berita ini diumumkan oleh radio Mesir. Selepas dua jam berikutnya, Presiden Gamal Abdul Nasser pula meletakkan jawatan beliau tetapi menarik balik keputusannya pada keesokan harinya.<sup>47</sup>

### **Hari Keenam**

Pada waktu pagi hari keenam, tentera Israel menemui markas tentera Syria telah kosong. Mereka meninggalkan kem mereka pada waktu malam dalam keadaan cemas. Segala kelengkapan peperangan seperti kereta kebal dan senjata-senjata ditinggalkan begitu sahaja. Kekalahan yang teruk pada hari kelima dengan serangan bom bertali arus daripada Tentera Udara Israel menyebabkan tentera Syria tidak berdaya dan bersemangat untuk berperang lagi. Berita dari Syria yang mengumumkan bahawa tentera Israel telah berjaya menawan Kuneitra tambah mematahkan lagi semangat mereka. Menyedari keadaan tidak memihak kepada mereka, Syria mengesa Majlis Keselamatan untuk mengadakan genjatan senjata. Sebaik sahaja pengumuman genjatan senjata diumumkan, tentera Syria melarikan diri dari medan peperangan. Bagi mereka, tiada apa lagi yang harus mereka pertahankan.<sup>48</sup>

Saki baki tentera Syria yang ada meneruskan pejuangan di Bukit Golan tetapi hanyalah menerusi serangan kecil-kecilan. Kekalahan yang dialami Mesir dan Jordan menyebabkan Syria tidak mendapat bantuan ketenteraan untuk mempertahankan benteng terakhir negara Arab iaitu Bukit Golan yang berjaya dikuasai oleh Israel. Penguasaan Israel di Bukit Golan menyebabkan Israel lebih menumpukan serangan keatas Mesir dan Jordan dalam memberikan mereka tekanan. Israel juga tidak berhenti setelah berjaya menawan benteng terakhir Arab, tetapi terus melakukan serangan dengan memasuki ke kawasan yang lebih dalam di Syria dan Jordan.

Kereta kebal Israel berjaya mengepung bandar-bandar utama di Jordan, Mesir dan Syria. Tentera Arab tidak mampu untuk melawan disebabkan Israel berjaya mengetahui segala kekuatan dan kelemahan mereka. Media-media di Israel telah menyebarkan maklumat mengenai kemenangan Israel.

Presiden Mesir Gamal Abdul Naser melihat peperangan ini tidak lagi memberi sebarang manfaat kepada dunia Arab. Beliau segera mengarahkan kapal terbang ke kawasan Sinai dan mengarahkan tenteranya mengirimkan pemberitahuan kepada Israel supaya tidak terus menyerang dan meminta

---

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> *Ibid.*

<sup>48</sup> *Ibid.*

peperangan segera dihentikan. Selepas pernyataan ini diterima Israel, perang ini berhenti serta merta. Tentera Arab telah mengalami kekalahan yang memalukan kepada tentera Israel yang baru bertapak tidak sampai 20 tahun di bumi Palestin. Seramai 15,000 tentera Arab terkorban dan lebih 5000 dilaporkan hilang, sementara Semenanjung Sinai dan Bukit Golan jatuh ke tangan Israel.<sup>49</sup>

## ANALISIS STRATEGI TENTERA ISRAEL

Israel telah mengambil langkah yang lebih bersifat ofensif berbanding defensif atau bertahan. Ini kerana Israel telah memikirkan beberapa faktor antaranya:

1. Israel adalah sebuah negara yang kecil dan baharu
2. Negara Israel juga bersempadan dengan negara-negara Arab yang menjadi musuh mereka
3. Serangan yang mereka lakukan adalah mesti menepati sasaran dan tidak boleh tersasar
4. Serangan yang hendak dilakukan tidak boleh melebihi dua minggu
5. Peperangan hendaklah berlaku diluar kawasan Israel untuk mengelakkan daripada negara Israel mengalami kerosakan teruk dan menyukarkan tentera Israel untuk melakukan serangan.<sup>50</sup>
6. Pakatan tentera Mesir, Syria dan Jordan mengakibatkan keseimbangan kuasa (*balance of power*) antara Israel dan negara-negara Arab. Sebarang serangan ke atas negara Arab secara terburu-buru akan meranapkan keseimbangan ini dan meletakkan Israel dalam posisi yang berbahaya.<sup>51</sup>

Jika Israel membenarkan negara Arab memasuki dan menyerang mereka terlebih dahulu, musuh mereka akan lebih berleluasa dalam menghancurkan kepentingan dalam negara Israel. Bagi Israel, untuk melancarkan serangan yang tepat adalah menggunakan peranan *Israel Air Force* (IAF). Data-data dan maklumat yang diperolehi daripada risikan adalah penting untuk melihat kelemahan negara-negara Arab. Strategi asas yang dibuat oleh Israel dalam memenangi peperangan ini adalah:

1. Memastikan segala maklumat yang diperolehi daripada risikan adalah benar sepenuhnya
2. Melakukan perhitungan terhadap kekuatan musuh secara cepat dan tepat
3. Penggunaan teknologi dan peralatan perang secara maksimum
4. Serangan mestilah dilakukan secara besar-besaran dan boleh merosakkan kepentingan musuh seperti lapangan terbang, pengkalan

---

<sup>49</sup> Muhammad Hasrul Zakariah, Baritish dan Resolusi 242 1967: Pengajaran Sejarah Untuk Pelan Damai di Asia Barat, *Jurnal Kemanusiaan*, Vol. 10 (2007), h. 66

<sup>50</sup> Abdul Rahman, *Dasar Pertahanan Israel dan Strategi Perluasan Kuasa Wilayah: Kajian tentang Perang Arab-Israel Tahun 1967*, h. 66-67

<sup>51</sup> Mohd Irwan Syazli et. al, Perang Enam Hari Arab Israel 1967 Menerusi Perspektif Teori Realisme, *International Journal of Islamic Thought*, vol. 9, (2016), h. 26

militari, jaringan telefon dan elektrik dan jalan raya yang menjadi laluan utama musuh.<sup>52</sup>

Objektif utama Israel dalam serangan awal pagi ialah untuk memusnahkan sebanyak mungkin landasan terbang dan pesawat tempur MIG-12 bagi melumpuhkan sistem udara pihak Arab. Perancangan ini berjaya dilaksanakan hanya pada hari pertama yang menyaksikan tentera Arab kehilangan kekuatan udara kecuali hanya empat pesawat yang tidak dilengkapi sebarang sistem persenjataan yang sedang membuat latihan penerbangan ketika itu.<sup>53</sup> Israel melakukan segala perancangan yang rapi bagi memastikan kemenangan akan diperolehi. Strategi Israel bertujuan untuk melumpuhkan kekuatan musuh secara mengejut dan berharap peperangan tidak berlanjutan lebih daripada dua minggu kerana sebarang perlanjutan tempoh peperangan akan meletakkan mereka dalam risiko kekalahan kerana ketiadaan pasukan tentera bantuan yang mencukupi. Perancangan asal Israel hanyalah mengambil masa 48 jam sahaja dengan dua objektif utama iaitu memusnahkan lapangan terbang tentera udara Mesir dengan serangan mengejut. Manakala objektif kedua ialah menyerang barisan hadapan tentera darat Mesir di Sinai.<sup>54</sup>

Elemen kejutan yang dilaksanakan oleh Israel dalam Perang Enam Hari boleh dikatakan kekuatan utama Israel yang membolehkan mereka mengatasi tentera Arab dengan mudah. Pihak Israel menggunakan pelbagai tipu muslihat yang licik antaranya memberikan 'cuti palsu' kepada tenteranya beberapa hari sebelum peperangan bagi memberikan maklumat yang salah kepada pihak Arab. Ianya ternyata berhasil apabila Mesir mula melonggarkan kehiatan ketenteraan di Terusan Suez dan kawasan.<sup>55</sup> Tambahan pula mereka menyerang pusat operasi udara Mesir Luxor dan Ras Banas yang paling jauh dari Israel terlebih dahulu membuatkan tentera Mesir terkejut dengan serangan tersebut lantas mengakibatkan huru-hara dalam kalangan mereka. Manakala di pihak lain, meskipun penyatuan negara Arab yang terdiri daripada Mesir, Jordan dan Syria membuatkan mereka kelihatan lebih kuat dan bersedia menghadapi Israel, strategi ini ternyata menjadi kesilapan fatal dalam peperangan ini.<sup>56</sup> Pertama, gabungan tiga negara dengan jumlah askar yang banyak sudah tentu menyukarkan elemen kejutan digunakan dalam serangan. Bilangan askar yang banyak sedikit sebanyak mengakibatkan mereka 'tenggelam' dengan jumlah yang besar dan gagal memanfaatkannya dalam sebarang serangan mengejut. Kedua, gabungan ini seandainya berhasil menggerunkan pihak lawan sekalipun, ianya mengakibatkan pihak lawan iaitu Israel lebih bersedia dan meningkatkan tahap pengawasan mereka ke peringkat tertinggi.<sup>57</sup> Motivasi mereka untuk memenangi peperangan ini semakin melonjak kerana merasakan kehangatan serangan yang

---

<sup>52</sup> *Ibid*

<sup>53</sup> Charles B. Long, *Analysis of The Six Days War June 1967* (Disertasi Air Command and Staff College Air University, Maxwell, 1984), h. 6

<sup>54</sup> May 1967; IDF, 1977/1786, *The Regular Paratrooper Brigade in the Six Day War*, Commander 35<sup>th</sup> Brigade, h. 619.

<sup>55</sup> Charles B. Long, *Analysis*, h. 33

<sup>56</sup> *Ibid*, h. 35

<sup>57</sup> *Ibid*.

bakal diterima daripada askar yang begitu ramai. Ironinya, kegerunan terhadap musuh menjadi faktor kemenangan bagi pihak Israel.

Antara penyumbang utama yang lain kepada kemenangan Israel dan kegagalan tentera Arab ialah motivasi yang membentuk prinsip peperangan (*war principal*) kedua-dua pihak. Bagi pihak Israel, Perang Enam Hari merupakan misi 'do or die' kerana ia dianggap titik utama kelangsungan negara mereka. Tewas kepada pakatan Arab bermaksud kemusnahan impian Zionis untuk terus menduduki bumi Palestin. Kemenangan ke atas tentera Arab akan memastikan kewujudan mereka di tengah-tengah rantau Arab benar-benar dirasai dan digeruni oleh negara sekitar.<sup>58</sup> Selain itu peperangan ini menjadi kunci utama bagi Isarel untuk memutuskan tindakan 'boikot' Mesir yang menutup Terusan Tiran sebagai laluan perdagangan Israel ke Laut Merah. Manakala di pihak tentera Arab, motivasi mereka hanyalah semangat yang dicetuskan khususnya oleh Presiden Mesir melalui radio yang menyeru negara Arab untuk memusnahkan Israel. Laungan-laungan bersemangat ini hanyalah tidak lebih daripada sekadar retorik bagi membangkitkan semangat Pan-Arabisme yang dikepalai oleh Presiden Gamal Abdul Nasser apabila tiada sebarang perancangan dan tindakan yang benar-benar mampu dilaksanakan (*do-able*) dijalankan baik dari pihak Mesir atau negara-negara lain.<sup>59</sup> Lebih jelas lagi, sepanjang beberapa tahun sebelum kemuncak konflik pada 1967, tentera Mesir lebih bersikap pasif terhadap Israel di mana walaupun mereka telah memintas beberapa pesawat tempur Israel, mereka tidak pernah menggerakkan pesawat mereka untuk menyerang meskipun memiliki pengakalan udara yang banyak.<sup>60</sup>

Selain itu faktor luaran juga memainkan peranan dalam kegagalan tentera Arab dalam peperangan ini. Di samping kekuatan ketenteraan dan perancangan teliti Israel dalam peristiwa ini, negara Arab berhadapan dengan konflik dalam sesama mereka yang akhirnya melemahkan semangat kesatuan negara Arab. Misalnya, Raja Abdullah I yang memerintah Jordan mengimpikan pemerintahan yang lebih besar dan lebih berkuasa. Umum mengetahui keluarga Hasyimi menganggap mereka sebagai waris sah ketuanan Arab dan mempunyai perancangan untuk mendirikan 'Syria Raya' (*Greater Syria*). Bahkan pada tahun 1948 iaitu beliau pernah menawarkan kepada Golda Meir yang mewakili Israel untuk melibatkan kaum Yahudi Palestin ke dalam perancangan tersebut.<sup>61</sup> Manakala Presiden Mesir Gamal Abdul Nasser lebih tertumpu kepada agenda Pan-Arabisme yang dibawa oleh beliau tanpa sebarang tindakan yang benar-benar mampu menggugat hegemoni barat ketika itu.

Setelah diteliti perjalanan peperangan selama enam hari di antara Israel dan tentera Arab, dapat disimpulkan bahawa kemenangan Israel dalam peperangan ini adalah disebabkan beberapa faktor utama iaitu pertama; strategi dan perancangan yang rapi dan tesusun. Strategi Blitzkerig yang diguna pakai pada hari pertama berhasil melumpuhkan kekuatan tentera Mesir yang dianggap antara tentera terbaik di rantau Asia Barat ketika itu. Kekuatan maklumat risikan

---

<sup>58</sup> Charles B. Long, *Analysis*, h. 28

<sup>59</sup> *Ibid*, h. 28

<sup>60</sup> *Ibid*, h. 29

<sup>61</sup> Efraim Karsh, *The Six Days War: An Inevitable Conflict, Middle East Quarterly Summer Edition*, (2017), h. 3

yang tepat seumpama waktu pertukaran syif askar Mesir, menambahkan lagi keupayaan tentera Israel dalam peperangan ini. Di samping itu penggunaan alatan berteknologi tinggi seperti ECM yang dibekalkan oleh Britain dan Amerika Syarikat jelas memberikan kelebihan kepada Israel berbanding tentera Arab.<sup>62</sup> Tentera Arab juga terpedaya dalam kelicikan pelan Israel yang mengumpun masuk tentera Mesir ke dalam kawasan mereka dan membuatkan tentera Mesir terkepung sehingga Sharm al-Syaykh jatuh ke tangan Israel. Strategi tipu helah ini telah diperakui amat penting dan berkesan dalam peperangan.<sup>63</sup>

Faktor kedua, ketidaksediaan dan kelemahan tentera Arab. Tentera Mesir dilihat tidak bersiap siaga dengan ancaman Israel dalam peperangan ini. Hal ini dapat dilihat jelas pada hari pertama peperangan di mana keadaan tentera Mesir yang bersikap sambil lewa sehingga dikatakan jeneral tentera Mesir hanya memulakan tugas pada jam sembilan setiap hari, sekalipun dalam keadaan krisis. Sikap sambil lewa ini jelas bertentangan dengan mana-mana strategi peperangan yang bermotifkan kemenangan. Israel berjaya mengkucar-kacirkan barisan pertahanan tentera Arab dengan serangan pada waktu yang tidak dijangka-jangka. Strategi ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Sun Tzu menerusi karya agungnya *Art of War*.<sup>64</sup> Dalam hal in, tentera Mesir dilihat gagal mengamalkan intipati ayat 60 Surah al-Anfal:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ  
تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ  
يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ  
لَا تَظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya: “dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya.”

<sup>62</sup> Mohd Irwan Syazli et. al, Perang Enam Hari Arab Israel 1967 Menerusi Perspektif Teori Realisme, *International Journal of Islamic Thought*, vol. 9, (2016), h. 25

<sup>63</sup> Sun Tzu, *The Art of War*, (terj. Lionel Giles), Leicester: Allendale Publishing, 2000, h. 3

<sup>64</sup> Sun Tzu, *Art of War*, h. 4

## KESIMPULAN

Perang Enam Hari 1967 telah menunjukkan bahawa dengan persediaan yang rapi dan strategi yang berkesan, peperangan mampu dimenangi walaupun ketika berhadapan dengan lawan yang lebih besar. Israel telah menggunakan pelbagai strategi yang ampuh sehingga akhirnya berhasil menundukkan gabungan tentera Arab, Mesir, Jordan, Syria dan Iraq. Antara strategi yang diguna pakai ialah strategi *pre-emptive strike* melalui Blitzkerig, bercorak ofensif, sistem pertahanan terbuka dan tertutup, serangan udara-darat dan lain-lain. Kekuatan pelaksanaan strategi ini turut dibantu oleh kecekapan teknologi canggih serta keadaan tentera Arab yang sambil lewa dan ketidaksediaan mereka untuk menghadapi ancaman musuh. Selain itu, prinsip peperangan kedua-dua pihak nyata memberi kesan yang amat mendalam kepada natijah peristiwa ini. Tentera Arab juga terpaksa berhadapan dengan kesan berbalik (*backlash*) daripada gabungan negara-negara Arab apabila Israel bertindak memperkemarkan kemampuan dan kecekapan ketenteraan mereka bagi menghadapi ancaman ini. Di samping itu faktor luaran seperti agenda tertentu beberapa negara Arab juga sedikit sebanyak menyumbang kepada kekalahan tentera Arab dalam Perang Enam Hari 1967. Peperangan ini perlu diambil iktibar bagi mengelakkan perkara yang sama berlaku di masa akan datang.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Abdul Rahman, *Dasar Pertahanan Israel dan Strategi Perluasan Kuasa Wilayah: Kajian tentang Perang Arab-Israel Tahun 1967*, (Disertasi Jabatan Pengajian Antarabangsa dan Strategik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya 2002)

Asher Susser, *On Both Banks of the Jordan, A Political Biography of Wasfiyal-Tall*, (London, 1994)

Chaim Herzog, *The Arab- Israeli Wars: War And Peace In The Middle East*, (New York: A Division Of Random House, Inc, 1982)

Colonel R.D. Palsokar, *Arab Israeli Wars*, (47 Anand Park, Pune 7, 1979)

Efraim Karsh, *The Six Days War: An Inevitable Conflict, Middle East Quarterly Summer Edition*, (United States of America: Middle East Forum, 2017)

George Childs Kohn, *Dictionary Of Wars*, (New York: Fact on File, inc., 1999)

ISA, 3977/22, *Relation with the United States: Conversation with Ambassador Chuvakhin*, 13 May 1967; Lihat juga Anwar El-Shadat, *In Search of Identity: An Autobiography* (New York, 1977)

John A. Warden, *The Campaign Planning For Combat*, (Washington: National University Press, 1988)

John N. Westwood, *History of Middle East Wars*, (New York: World Publication)

May 1967; IDF, 1977/1786, *The Regular Paratrooper Brigade in the Six Day War*, Commander 35<sup>th</sup> Brigade



- Michael B, Oren *Six Days of Wars: Juns 1967 and the Making of the Modern Middle East*, (New York: Presido Press 2002)
- \_\_\_\_\_, The Revelation of 1967: New Research on the Six Day War and Its Lessons for the Contemporary Middle East. *Israel Studies*, Vol. 10 number 2 (2005), 6
- Mohd Irwan Syazli et. al, Perang Enam Hari Arab Israel 1967 Menerusi Perspektif Teori Realisme, *International Journal of Islamic Thought*, vol. 9, (2016)
- Muhammad Fawzi, Harb al-Thalath Sanawat (Cairo, 1976)
- Muhammad Hasrul Zakariah, Baritish dan Resolusi 242 1967: Pengajaran Sejarah Untuk Pelan Damai di Asia Barat, *Jurnal Kemanusiaan*, Vol. 10 (2007)
- Palsokar, R, D., *Arab Israeli Wars 1967-1973*, (Pune 7: S. Palsokar, 1979)
- Pollack, Kenneth, *Arabs at War: Military Effectiveness, 1948-1991*, (University of Nebraska, 2004)
- Randolph S. Churchill, Winston Churchill, *The Six Day Arab- Israeli War June 1967*, (London: Wlliam Heinemann Ltd, 1967)
- Robert Stephens, Nasser, *A Political Biogrhaphy* (London,1971), 479: BBC Archive, SWB ME 2 477/A/3-5.
- Rogan & Eugene (2000), *The Arabs: A History*, (Penguin Books Ltd, 2012)
- Sun Tzu, *The Art of War*, (terj. Lionel Giles), Leicester: Allendale Publishing,
- Terence Prittie, *Eskhol of Israel: The Man and the Nation*, (London: Mesuem Press, 1969)
- Weidefeld and Nicolson (1976). *Moshe Dayan: Story Of My Life*, (London: Fakenham and Reading)